



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 12/2022
20 DISEMBER 2022 (25 JUMADAL ULA 1444H)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah SWT di atas segala nikmat kurniaan yang diberikan kepada kita semua. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat baginda, sahabat-sahabat baginda dan bagi mereka yang mencontohi baginda sehingga hari kiamat.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang sentiasa bekerjasama dengan saya dalam memberikan sokongan dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sebagai sebuah organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan penduduk. Justeru, saya berharap agar perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketulusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Saranan dan jaminan yang diberikan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai menghormati sistem perkhidmatan awam sebagai tonggak dalam pentadbiran kerajaan adalah amalan terbaik wajar dipuji.

Sememangnya, perkhidmatan awam menjadi tonggak utama negara. Peranan perkhidmatan awam amat penting untuk pembangunan ekonomi dan kemakmuran negara selain jambatan dalam menyatupadukan dan mengukuhkan masyarakat, menjamin keselamatan, melindungi mereka dari terdedah bahaya hingga meningkatkan kualiti keharmonian hidup rakyat.

Dalam hal ini, pihak pengurusan tertinggi serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya saling memerlukan kerana masing-masing memiliki kepakaran khusus untuk digunakan dalam menguruskan pentadbiran Majlis secara profesional sebagai sebuah organisasi kerajaan.

Berdasarkan laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyatakan bahawa kes rasuah membabitkan ketirisan dalam perolehan kerajaan semakin kritikal. Amat penting untuk mengelakkan ketirisan berterusan dan kerugian besar ditanggung oleh kerajaan disebabkan ketidakpatuhan kepada prosedur operasi kewangan standard terutamanya dalam pemberian kontrak.

Isu ini perlu diambil perhatian yang serius dan mendalam oleh Majlis agar tiada elemen negatif seperti ketirisan dan kerugian dalam perolehan kerajaan berlaku di MBPJ. Sehubungan itu, tiga kriteria penting sebagai panduan membendung rasuah dan salah laku ialah

integriti, merit atau pakar dalam bidang tertentu dan berani melaporkan amalan rasuah atau salah laku.

Demi menjamin kepercayaan rakyat dan masa depan generasi akan datang, pengurusan pentadbiran Majlis yang profesional amat komited dengan amalan budaya integriti dalam perkhidmatan, memastikan kepakaran, kredibiliti dan teguh berani dalam menjalankan kewajipan pada rakyat dan negara di bawah pimpinan kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Bajet 2023 yang disediakan oleh Majlis adalah berteraskan kepada 5 hala tuju utama **Pelan Strategik Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdaya Tahan 2030 (PJSSR 2030)** iaitu, **Alam Sekitar, Habitat Berdaya Huni, Ekonomi Vibran, Komuniti Mampan dan Urustadbir Baik.**

Bagi meningkatkan kualiti infrastruktur awam, program penyelenggaraan jalan pada tahun hadapan akan diteruskan dengan kos sebanyak RM5.47 juta yang meliputi kerja-kerja penurapan semula jalan, menaiktaraf siarkaki dan bebendul jalan, mengecat garisan jalan, menaiktaraf perabot jalan dengan memperbaiki *pedestrian railing*, *vehicle guardrail*, mengadakan bonggol jalan, papan tanda nama jalan dan papan tanda isyarat serta bumbung pejalan kaki.

Kerja-kerja menaiktaraf tempat letak kereta berjumlah RM 860,000 juga diperuntukkan untuk dilaksanakan di Jalan PJU1/1, Jalan SS21/34, Jalan 11/2, Simpang Jalan 11/5 dan Jalan 14/48 serta tempat letak kereta Lorong Utara Kecil (Astaka).

Penyelenggaraan dan penstabilan cerun di kawasan Petaling Jaya juga akan diberikan keutamaan dan dilaksanakan segera. Untuk itu peruntukan sambungan sebanyak RM 2.5 juta disediakan untuk kerja-kerja pembaikan dan penstabilan cerun parit hujan lebat di Jalan Tropicana Selatan, PJU 3 (berhampiran SMK Tropicana), Petaling Jaya.

Selain itu, peruntukan bagi penyelenggaraan longkang sebanyak RM4.66 juta telah disediakan. Cadangan kerja-kerja tebatan banjir dan menaiktaraf sistem perparitan akan dilaksanakan di kawasan seperti Jalan PJS 2/2 dan PJS 2D/1, Jalan PJS 3/1, PJS 3/9 dan PJS 3/52, Jalan PJS 1/25, PJS 3/44 (kawasan bersebelahan Sri Manja Court), sebahagian Jalan 17/1, sebahagian Jalan Professor Diraja Ungku Aziz dan sebahagian Jalan 19/1, Petaling Jaya.

Majlis juga akan menaiktaraf lampu-lampu jalan, lampu isyarat di sekitar Petaling Jaya berjumlah RM 1.2 juta dan menaiktaraf sistem bekalan elektrik berjumlah RM 1 juta.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Bagi merangsang semula ekonomi bandar khususnya melibatkan pembangunan hartanah yang sebelum ini dilihat agak suram disebabkan pandemik COVID-19, saya sering tekankan agar prosedur dan garis panduan semasa perlu dikaji semula dan ditambah baik agar tempoh masa kelulusan dapat dipendekkan.

Untuk itu, Majlis pada dasarnya telah bersetuju dan akan memperkenalkan Kaedah Nilai Setara Nilai Tanah Bagi Tujuan Pengenaan Caj Pemajuan. Melalui kaedah ini, maklumat nilai tanah semasa akan disediakan dan ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan

Pengurusan Harta berbanding sebelum ini melalui penyediaan laporan penilaian hartanah oleh perunding penilai harta bertauliah yang dilantik oleh pihak pemaju.

Manakala, bagi kadar dan kaedah perkiraan caj pemajuan yang berdasarkan peratusan dari perbezaan kenaikan nilai tanah sebagaimana Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan (Selangor) Pindaan 2021 dikekalkan dan tiada sebarang perubahan. Mengambil kira nilai hartanah bersifat dinamik dan berubah mengikut perkembangan semasa, kadar nilai setara nilai tanah ini akan dikaji dan dinilai semula setiap dua (2) tahun sekali.

Pendekatan yang diperkenalkan ini bukan sahaja akan memendekkan masa dan mempercepatkan proses pengesahan pelan susun atur dan pengeluaran kelulusan kebenaran merancang (Borang C1), malah secara tidak langsung membantu menjimatkan kos pemaju tanpa perlu menyediakan laporan penilaian hartanah oleh perunding penilai hartanah berdaftar, kecuali bagi kes-kes rayuan. Pemaju boleh mengemukakan rayuan sekiranya berpandangan nilai hartanah yang ditetapkan oleh Majlis adalah lebih tinggi dari pasaran semasa.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Usaha merangsang dan merancakkan ekonomi golongan penjaja dan peniaga-peniaga kecil pada tahun hadapan akan dipergiatkan lagi di mana Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mewujudkan sejumlah 57 petak bazar Tahun Baru Cina 2023 di Pasar Besar Jalan Othman, Pasar Awam Taman Megah, Pasar Awam Kampung Cempaka dan Perkarangan Menara MBPJ, Jalan Tengah Pusat Bandar Seksyen 52.

Sejumlah 46 permohonan bagi menjalankan perniagaan di tempat-tempat yang telah disediakan tersebut telah diterima melalui platform atas talian <https://elesen.mbpj.gov.my> bermula pada 15 November hingga 28 November yang lalu.

Bazar Tahun Baru Cina ini diwujudkan bagi memberi peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan mikro di Petaling Jaya bagi meningkatkan pendapatan sepanjang satu bulan operasi bazar. Lokasi bazar Tahun Baru Cina yang disediakan oleh Majlis ini adalah merupakan salah satu tumpuan penduduk berbangsa Cina bagi mendapatkan keperluan dan makanan bagi persediaan menyambut sambutan Tahun Baru Cina pada 22 Januari 2023 nanti.

Sementara itu, Majlis juga telah memperuntukkan sejumlah 1,395 petak bagi bazar Ramadhan yang melibatkan sejumlah 20 lokasi di sekitar Petaling Jaya. Untuk makluman, permohonan bazar Ramadhan 2023 telah dibuka bermula pada 8 Disember 2022 hingga 21 Disember 2022 bagi sesi pertama manakala pada 26 Disember 2022 hingga 31 Januari 2023 adalah bagi sesi kedua.

Operasi bazar Ramadhan 2023 akan bermula pada 23 Mac 2023 sehingga 21 April 2023 (1 bulan). Operasi bazar Ramadhan pada tahun 2023 akan dilaksanakan secara penuh tanpa penjarakan 1 meter selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dibawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) – SOP Fasa 4.

Bagi menggalakkan penggunaan *e-wallet* di kalangan usahawan-usahawan mikro dan penduduk Petaling Jaya, inisiatif ke arah “PJ Digital Bazar” akan diperkenalkan di dua lokasi perintis bazar Ramadhan iaitu di bazar Ramadhan SS 6/1, Kelana Jaya dan Seksyen 4, Kota Damansara.

Semua usahawan mikro yang menjalankan perniagaan di dua lokasi ini diwajibkan menggunakan perkhidmatan *e-wallet* seperti *touch 'n' go e-wallet*, *boost pay* dan lain-lain perkhidmatan dalam semua transaksi perniagaan yang dijalankan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Rentetan penularan wabak COVID-19 sebelum ini, era digital melalui Revolusi Industri 4.0 berkembang begitu cepat sekali sehingga telah banyak mengubah dan menukar cara kehidupan masyarakat, operasi perniagaan dan pengurusan malah sistem perkhidmatan perbandaran. Sehubungan dengan itu, dalam konteks urustadbir baik, Majlis sebagai penyelia perkhidmatan juga perlu menyesuaikan diri dengan perubahan masa agar terus kekal relevan dan kompetitif.

Justeru, bagi mendepani cabaran dan situasi ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) telah membangunkan sistem perkhidmatan atas talian e-COB bagi mengadaptasi keperluan dan kehendak semasa. Bermula awal tahun 2023, Unit Pesuruhjaya Bangunan MBPJ akan melaksanakan inisiatif pendigitalan perkhidmatan sepenuhnya bagi urusan yang berkaitan permohonan dan pemfailan dokumen selaras kehendak Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Untuk makluman semua, kaunter perkhidmatan dan pembayaran di Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mula beroperasi sejak 1 November 2022 yang lalu. Waktu operasi adalah bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang setiap Isnin hingga Jumaat kecuali hari

Sabtu, Ahad dan cuti umum. Perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut :

- a) **Kaunter Pelesenan** – Menerima permohonan lesen tred, cetakan lesen, pengambilan tag anjing, penerangan bersemuka mengenai cara dan syarat permohonan lesen, bantuan teknikal cara permohonan lesen dalam talian, serahan dokumen tuntutan cagaran, pengambilan pelekat premis secara serahan tangan;
- b) **Kaunter Penguatkuasa** – Semakan kompaun dan sitaan, kunci tayar kenderaan (*clamping*), dan cetakan bil kompaun;
- c) **Kaunter Tempahan** – Tempahan dewan (dewan balai raya, dewan sivik, auditorium, dan lain-lain);
- d) **Kaunter Bayaran** – Semua bayaran seperti bayaran cukai taksiran termasuk daripada PBT lain, cukai tanah seluruh Selangor, kompaun, dan sewaan dewan.

Selain perkhidmatan kaunter, antara kemudahan lain yang disediakan ialah kiosk bayaran layan diri (*self-service payment kiosk*) sebagai kemudahan pelanggan untuk membuat bayaran cukai taksiran dan kompaun dengan menggunakan kaedah bayaran yang pelbagai iaitu kad debit, kad kredit dan tunai. Penyediaan kiosk pembayaran layan diri ini bertujuan memudahkan orang ramai membuat urusan perkhidmatan dan mengelakkan kesesakan di kaunter sedia ada.

Sebanyak lima (5) mesin kiosk bayaran telah disediakan iaitu satu (1) unit di lobi Ibu Pejabat MBPJ, satu (1) unit di kaunter pandu lalu, dua (2) unit di lobi Menara MBPJ dan satu (1) unit di Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara, Kota Damansara.

Selain itu, kaunter pandu lalu (*drive thru*) juga turut dibuka bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan yang berurusan dengan MBPJ. Diharapkan dengan adanya penyediaan pelbagai saluran/medium perkhidmatan pelanggan ini dapat memudahkan orang ramai khususnya penduduk Petaling Jaya berurusan dengan Majlis dengan fasiliti yang lebih kondusif dan selesa.

Alhamdulillah, Mesyuarat Majlis kali ke 12 ini merupakan mesyuarat yang terakhir pada tahun 2022. Suka saya nyatakan, berdasarkan apa-apa keputusan bersama yang kita buat adalah tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk kesejahteraan masyarakat dan komuniti penduduk Petaling Jaya.

Ucapan jutaan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan di atas kerjasama yang tidak berbelah bahagi diberikan kepada saya dan sentiasa bersama saya dalam mentadbir dan mengurus bandar raya Petaling Jaya ini dengan lebih efisien.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas dan Tahun Baru 2023 kepada semua. Semoga segala perkara mahupun program yang kita rencanakan pada tahun hadapan akan membuatkan kita semakin bersemangat, berdedikasi dan berintegriti di dalam menjalankan tugas harian. Jadikanlah segala urusan kita pada tahun ini sebagai satu tanggungjawab dan beriltizam untuk menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti pada tahun hadapan.

Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang akan mula bercuti, saya nasihatkan berhati-hatilah di jalan raya. Pandulah dengan cermat dan penuh berhemah. Kepada ibubapa yang mempunyai anak-anak yang kecil, sentiasalah awasi pergerakan mereka.

Dalam keadaan musim monsoon ini, dengan hujan yang turun hampir setiap hari, kita hendaklah sentiasa berwaspada dan berada dalam keadaan siap siaga. Elakkanlah dari mengunjungi tempat-tempat berisiko berlaku bencana. Jadikanlah kejadian-kejadian lepas iktibar buat kita semua. Semoga keselamatan keluarga menjadi keutamaan kita semua.

Sekian, terima kasih.